

## KPDNHEP Miri keluarkan kompaun hampir RM90,000 untuk 147 kes

2019-12-24T00:30:01+08:00



**JALANKAN TUGAS:** Nizam (kanan) bersama anggotanya sedang memeriksa harga barangan terkawal sempena musim perayaan di Emart Riam, Miri semalam.

**MIRI:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Miri telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM89,400 membabitkan 147 kes.

Timbalan Ketua KPDNHEP Miri Sayed Muhd Nizam Sayed Zahari berkata, kes juga membabitkan nilai rampasan berjumlah RM9,136,373.80 atas pelbagai kesalahan.

"Dalam tempoh 1 Januari hingga 22 Disember lalu, kita telah memeriksa 10,184 premis di bandar dan 1,295 premis di luar bandar dengan 147 kes pelbagai kesalahan.

"Nilai rampasan membabitkan RM9,136,373.80, sementara nilai kompaun RM89,400 serta kita menerima 111 aduan dalam tempoh sama," katanya pada Operasi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Emart Riam di sini, semalam.

Nizam memberitahu, kesalahan yang banyak dikesan sepanjang tempoh itu membabitkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Kita telah mengesan pelbagai kesalahan baharu bukan hanya di Miri, tetapi juga di Niah, Bekenu dan Marudi dengan 68 kes membabitkan nilai RM13,787.90 serta 63 kompaun dengan nilai RM10,400," jelasnya.

Dalam tempoh penguatkuasaan itu juga, KPDNHEP Miri telah mengesan 44 kesalahan di bawah Akta Sewa Beli 1972 dengan nilai RM35,640 serta mengeluarkan 42 kompaun dengan nilai keseluruhan RM8,200.

Nizam juga menjelaskan bahawa pihaknya turut menerima aduan antara tiga atau empat kes sebulan berkenaan penipuan dalam pembelian barangan dalam talian.

“Pengguna membeli barangan dalam talian tetapi barangan terbabit tidak sampai kepada pembeli, kita akan menyiasat aduan ini mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999,” tegasnya.

Nizam bagaimanapun menjelaskan bahawa kes penipuan jual beli dalam talian di Miri masih terkawal, namun pengguna harus membuat aduan jika terperdaya dengan penjual.

Sementara itu, beliau berkata kesedaran penjual atau premis terhadap skim kawalan harga barangan pada musim perayaan semakin meningkat.

“Dalam pemantauan kami di semua premis termasuk pasar awam, pasar tani dan pasaraya peniaga telah meletakkan tanda harga berwarna merah jambu,” jelasnya.

KPDNHEP Miri juga mengingatkan para peniaga supaya menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan.

Peniaga juga perlu menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentukan pegawai penguat kuasa kementerian.

Dalam pada itu katanya, peniaga juga perlu memastikan bekalan barangan mencukupi di pasaran terutama sepanjang tempoh 10 hari bermula kelmarin.

KPDNHEP Miri telah mengeluarkan senarai 17 jenis barangan yang dikawal di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019.

Antaranya ayam hidup, ayam standard, ayam super, ayam tua hidup, ayam belanda import, kepak ayam, daging kambing import, telur ayam gred A, B dan C, tomato, lada bengala hijau, kubis bulat import, cili merah, ubi kentang import, daging babi (perut) dan daging babi (lemak).

Sebarang pertanyaan, orang awam di Miri boleh menghubungi pusat operasi di talian 03-8000 8000 dan talian 'hotline' 1-800886-800.

